

Headline	Selamat tinggal stan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	18	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	348 cm ²
Journalist	Ayrau (Kazakhstan)	AdValue	RM 12,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,409



UMAT Islam di Tashkent, Uzbekistan dibenarkan menunaikan solat Jumaat, tetapi menggunakan pembesar suara dalam masjid sahaja.

■ Konvoi akhira kembara di Kyrgyzstan, Uzbekistan, Kazakhstan kini masuk Russia

Ayrau (Kazakhstan)

Headline	Selamat tinggal stan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	18	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	348 cm ²
Journalist	Atryau (Kazakhstan)	AdValue	RM 12,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,409

Kyrghyzstan, Uzbekistan dan Kazakhstan adalah tiga negara bekas jajahan Kesatuan Soviet yang merdeka selepas kejatuhan negara blok komunis itu pada 1991.

Maksud perkataan 'stan' pada ketiga-tiga nama negara berkenaan ialah 'tanah' seperti Kazakhstan bermaksud tanah Kazakh selain Uzbekistan bererti tanah Uzbek.

Negara lain menggunakan perkataan itu yang semuanya dimerdekakan Kesatuan Soviet ialah Tajikistan, Turkmenistan dan Afghanistan.

Sekali pun dijajah komunis dan ditindas, semua negara berkenaan majoriti penduduknya adalah Islam.

Mereka kekal dan bangga sebagai Islam walaupun tidak mengamalkan ajaran agama itu sepenuhnya dan kerajaan mereka kini mengamalkan sekularisme kesan penindasan komunis.

Nenek moyang mereka diseksa dan dibunuh dengan kejam lebih-lebih lagi yang cerdik pandai pada zaman pemerintahan Josef Stalin dan ramai yang melarikan diri akibat kekejaman Soviet.

Konvoi Kembara Bumi Suci 2014 (KBS2014) mengakhiri kembara di Kyrghyzstan, Uzbekistan dan

Kazakhstan sebelum memasuki Russia.

Pasukan itu mula memasuki Kyrgystan pada 14 April lalu, negara yang dikategorikan kurang maju berbanding dua negara jirannya itu.

Walaupun tidak maju, negara yang turut berjiran dengan China itu memiliki antara kawasan semula jadi yang tercantik di dunia antaranya Banjaran Pamir Alay yang menjadi destinasi pendaki gunung dari seluruh dunia.

Memasuki Uzbekistan dan Kazakhstan, perbezaannya amat ketara daripada rupa bentuk muka bumi selain kepesatan serta kemodenan bandar lebih ketara mirip kota-kota di Eropah.

Penduduk dan bandar raya mereka matang dari sudut kebersihan seperti di Tashkent, walaupun ia ibu negara Uzbekistan tetapi suasananya tenang dan tidak sesak sekali pun pada waktu puncak.

Perancangan bandar di kedua-dua negara jelas bercirikan Eropah dan mengelilingi bandar ini di sini seolah-olah berada di kota Eropah ditambah dengan suhu dingin.

Uzbekistan sejak beribu-ribu tahun lalu lebih menonjol dari segi ketamadunan ilmu dengan Samarkand dan Bukhara sebagai pusat perdagangan dan keilmuan.

Cendekiawan Islam seperti Imam al-Bukhari, Imam at-Termizi, al-Kha-

warizmi dan Ibnu Sina berasal dari Uzbekistan.

Semua sejarah itu 'dipadamkan' Kesatuan Soviet.

Berdasarkan sejarah, ketiga-tiga negara Asia Tengah terbabit adalah pusat jalur atau Laluan Sutera.

Namun, generasi baru di negara itu mula sedar mereka memiliki sejarah ketamadunan Islam yang gemilang.

Kerana itu tidak hairan, semakin banyak kawasan sejarah Islam dibaik pulih dan tugu peringatan serta monumen pemimpin serta pahlawan Islam dibina di lokasi strategik sekitar ibu kota mereka khususnya patung Amir Timur.

Amir Timur iaitu Tarmashirin Khan adalah pemimpin agung Asia Tengah dari 1336 hingga 1405.

Bakal mengharungi perjalanan sejauh hampir 18,000 kilometer, konvoi ini akan melalui 12 negara selain dijangka mengharungi cuaca sejuk dan panas ekstrem di beberapa negara.

Laporan harian kembara ini juga boleh diikuti di www.israqadventure.com dan laman Facebook, Kembara Bumi Suci 2014.

Mesej kesederhanaan Islam turut disebarkan sepanjang ekspedisi berlangsung.

Lembaga Tabung Haji adalah penaja utama kembara ini yang disokong oleh Yayasan Gerakan Kederhaan Global (GMMF).

